- 热饮加热过程中，会以“----”转圈显示，当杯内温度超过70度，显示屏会显示杯内温度并与“----”转圈交互显示（温度以5为一个单位），当进入倒计时后，杯内温度会与剩余时间交互显示。显示的温度和杯内的实际温度会根据测量位置及食材的差异而有所不同。（果酱菜单不显示温度）

## 清洁方法

- 清洁之前请先关闭电源并拔出电源插头。
- 首次使用前和每次使用后，请清洁本产品。
- 清洁前，取下所有可拆卸的零件。
- 清洁玻璃杯时，请用清洁刷进行清洁。
- 使用蔬果类的食材，可能会使部件染色属于正常现象，但这不影响使用。

### ⚠ 注意

- 切勿使用挥发性的油、稀释剂、酒精、漂白剂、磨砂粉、金属刷或尼龙刷，否则会损坏本产品表面。
- 切勿在洗碗机中清洁机身、杯盖、静音阀盖、静音阀及玻璃杯。
- 切勿使用牙签或大头针等尖锐物品清洁本产品。
- 切勿浸泡杯盖、玻璃杯和机身，避免耦合器或内部结构损坏。
- 切勿直接冲洗玻璃杯底部的耦合器，避免本产品故障，造成意外发生。
- 切勿将产品、电源线及包装附件等置于太阳下暴晒。
- 请务必等到本产品冷却之后再行清洁。
- 清洁时，用清水冲洗玻璃杯内部及配件，并擦干；刀具非常锋利，清洁时小心刀具，以免割伤。

	静音阀盖	静音阀	杯盖	杯盖密封圈	玻璃杯	机身	量杯	刮刀	清洁刷
									
流水	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓
洗碗机	X	X	X	X	X	X	X	X	X
拧干的湿布	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
刷子	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	✓
百洁布	X	X	X	X	X	X	X	X	X
海绵	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓
提示	使用温和的洗碗剂 (中性) 和柔软的海绵进行清洁，并避开玻璃杯底部的耦合器装置，用水彻底清洁并擦干。					使用完全拧干的湿布擦拭并小心不要弄湿耦合器装置。	使用温和的洗碗剂 (中性) 和柔软的海绵进行清洁，然后用水彻底清洁并擦干。		

## 故障诊断

拨打客服电话或安排维修之前，请先检查下列事项。

问题	原因和解决方法
溢出	<ul style="list-style-type: none"><li>● 食材放量过多 → 按说明书放食材量</li><li>● 水量过多 → 请加水至正确水位线</li><li>● 错选功能档 → 按说明书选择功能档</li><li>● 产品自身故障 → 送当地售后维修</li><li>● 杯盖没有盖到位 → 请确保杯盖盖到位</li></ul>
糊底	<ul style="list-style-type: none"><li>● 食材放量过多 → 按说明书放食材量</li><li>● 放错食材 → 不能放入易糊底的食材</li><li>● 水量过少 → 请加水至正确水位线</li><li>● 杯体底部未清洗干净 → 使用前，请清洗干净</li><li>● 错选功能档 → 按说明书选择功能档</li><li>● 产品自身故障 → 送当地售后维修</li></ul>
食材打不碎	<ul style="list-style-type: none"><li>● 食材放量过多或过少 → 按食谱配方操作</li><li>● 水量过多或过少 → 请加水至正确水位线</li><li>● 错选功能档 → 按说明书选择功能档</li><li>● 产品自身故障 → 送当地售后维修</li></ul>
工作噪音	<ul style="list-style-type: none"><li>● 马达运转声音 → 属于正常现象</li><li>● 产品磨合期 → 偶有噪音属于正常现象</li><li>● 异响，马达异常 → 送当地售后维修</li></ul>
显示屏不亮	<ul style="list-style-type: none"><li>● 电源线未插好 → 检查电源线并保证插好、通电</li><li>● 杯盖和玻璃杯未安装到位 → 将杯盖和杯子重新安装好</li><li>● 产品自身故障 → 送当地售后维修</li></ul>

## 故障诊断

代码	可能原因分析	解决决策
H01 H03 H04	电路板故障、产品内部连接线故障	请送售后网点维修
U16	操作部按键长时间被异物或污渍覆盖	清除覆盖于按键上的异物或污渍
U12	在制作过程中打开或移动杯盖，导致控制面板显示U12的画面	重新正确安装杯盖
U53	食物块太大，或放置太多，马达过载保护	放入搅拌杯内的食材尽量切小块，并适量

## 更换部件

部件名称	部件号
静音阀盖	VE69V339
静音阀	VE68V339
静音阀密封圈	VE22V339
杯盖	VE07V339
杯盖密封圈	VE23V339
玻璃杯	VA01V339

## 规格

电源	220-240 V ~ 50-60 Hz
额定功率	搅拌：425-465 W、加热：800-950 W
控制速度	12档速度控制
额定工作时间(搅拌)	持续运转 (手动模式下，持续运转20分钟，20分钟后将自动停止搅拌并返回初始画面，需要休息6分钟)
最大容量	冷饮上限: 1.75 L / 热饮上限: 1.4 L
尺寸 (宽×深×高) (约)	234 mm × 285 mm × 432 mm
重量(约)	4.5 kg
电源线长度(约)	1.0 m

Terima kasih kerana membeli produk Panasonic ini.

- Sila baca arahan ini dengan teliti untuk menggunakan produk dengan betul dan selamat.
- **Sebelum menggunakan produk ini, sila berikan perhatian khusus anda kepada "Langkah Keselamatan" dan "Maklumat Penting" (P. ML2-ML5).**
- Sila simpan sijil jaminan dan Arahan Pengendalian ini dengan betul untuk kegunaan pada masa depan.
- Panasonic tidak akan menerima apa-apa liabiliti jika perkakas tertakluk kepada penggunaan yang tidak wajar atau kegagalan mematuhi arahan ini.

## Kandungan



Langkah Keselamatan.....	ML2
Maklumat Penting.....	ML5
Nama Bahagian Alat dan Arahan .....	ML6
Arahan Panel Kawalan .....	ML7
Cara Penggunaan .....	ML9
Saranan Resipi dalam Mod Automatik .....	ML10
Saranan Resipi dalam Mod Manual .....	ML11
Cara Pembersihan .....	ML12
Penyelesaian Masalah.....	ML13
Alat Ganti.....	ML14
Spesifikasi.....	ML14

## Langkah Keselamatan

Sila pastikan anda mengikuti arahan ini.

Dalam usaha untuk mengelakkan kemalangan atau kecederaan kepada pengguna, individu lain dan kerosakan harta benda, sila ikuti arahan di bawah.

■ **Isyarat berikut menunjukkan tahap bahaya dan kerosakan apabila produk disalahgunakan.**

	<b>AMARAN:</b> Menunjukkan potensi bahaya yang boleh mengakibatkan kecederaan serius atau kematian.
	<b>AWAS:</b> Menunjukkan potensi bahaya yang boleh mengakibatkan kecederaan ringan atau kerosakan harta benda.

■ **Simbol tersebut dikelaskan dan dijelaskan seperti berikut.**

	Simbol ini menunjukkan larangan.		Simbol ini menunjukkan pemberhentian kerja yang mesti diikuti.
---	----------------------------------	---	--

## AMARAN

Untuk mengelakkan daripada risiko terkena kejutan elektrik, kebakaran disebabkan oleh litar pintas, bahaya asap, melecur atau kecederaan.



- **Jangan biarkan bayi dan kanak-kanak bermain dengan bahan pembungkusan.** (Ini boleh mengakibatkan kelemasan.)
- **Jangan ceraikan, baiki atau ubah suai perkakas ini.**  
→ Hubungi Pusat Servis Panasonic untuk pemeriksaan atau pembaikan.
- **Jangan rosakkan kord atau palam kuasa.**

Tindakan berikut adalah dilarang sama sekali:  
Mengubah suai, menyentuh atau meletakkan berhampiran dengan elemen pemanasan atau permukaan panas, melentur, memulas, menarik, menggantung/ menarik di bahagian hujung yang tajam, meletakkan objek berat di bahagian atas, mengikat kord kuasa atau membawa perkakas dengan menggunakan kord kuasa.



## AMARAN

Untuk mengelakkan daripada risiko terkena kejutan elektrik, kebakaran disebabkan oleh litar pintas, bahaya asap, melecur atau kecederaan.



- **Jangan gunakan perkakas jika kord atau palam kuasa rosak atau palam kuasa disambungkan dengan longgar ke salur keluar.**
  - Jika kord kuasa rosak, ini mesti digantikan oleh pengilang, pusat servis pengilang atau individu berkelayakan yang serupa untuk mengelakkan daripada bahaya.
- **Jangan pasang atau cabut palam kuasa dengan tangan yang basah.**
- **Jangan rendam badan motor, kord atau palam kuasa perkakas di dalam air (atau apa-apa cecair), atau percikkan dengan air atau apa-apa cecair.**
- **Pemegang dan penutup bekas pengisar dilengkapi dengan kunci keselamatan magnetik. Jangan rendam Pemegang dan penutup bekas pengisar tersebut di dalam air atau apa-apa cecair.**
- **Berhati-hati untuk tidak membasahkan penghubung dan penyambung atas/bawah apabila membersihkan atau menggunakan bekas pengisar dan badan motor.**
- **Pastikan bahawa kord kuasa tidak terjuntai di tepi meja atau bahagian atas kerja dan elakkan kord kuasa tersebut daripada bersentuhan dengan permukaan yang bersuhu tinggi. Cabut palam apabila perkakas tidak digunakan. Sila berhati-hati dengan haba baki selepas digunakan.**
- **Jangan sentuh bahagian bersuhu tinggi semasa atau selepas digunakan, seperti bekas pengisar, penyambung atas dan bawah, dan sebagainya.**
- **Jauhkan perkakas dan kord kuasa, serta palam kuasa daripada jangkauan bayi dan kanak-kanak.**
- **Pastikan anda menetapkan masa yang sesuai untuk menyediakan menu. Bahan yang dicampurkan secara berlebihan boleh mengakibatkan pemanasan lampau dan berpotensi menimbulkan bahaya keselamatan.**
- **Perkakas ini dilarang sama sekali daripada melahu atau digunakan dalam keadaan beban berlebihan.**



- **Perkakas ini tidak bertujuan untuk digunakan oleh individu (termasuk kanak-kanak) dengan keupayaan fizikal, deria atau mental yang berkurangan atau kurang pengalaman dan pengetahuan, melainkan jika mereka telah diberikan pengawasan atau arahan mengenai penggunaan perkakas oleh individu yang bertanggungjawab untuk keselamatan mereka.**
  - **Kanak-kanak perlu diawasi bagi memastikan mereka tidak bermain dengan perkakas.**
- **Masukkan palam kuasa ke dalam salur keluar dengan kuat.**
- **Pastikan bahawa voltan yang ditunjukkan pada label perkakas adalah sama dengan bekalan setempat anda. Elakkan juga memalam peranti lain ke dalam salur keluar yang sama untuk mengelakkan pemanasan lampau elektrik. Walau bagaimanapun, jika anda menyambungkan beberapa palam kuasa, pastikan bahawa jumlah watt tidak melebihi watt terkadar salur keluar.**
- **Sapu habuk palam kuasa dengan kerap.**
  - Cabut palam kuasa dan lapkan dengan kain kering.
  - Cabut dan putuskan sambungan daripada bekalan kuasa sebelum pembersihan. Pastikan bahawa palam kuasa dan salur keluar kering sebelum menggunakan semula.
- **Matikan perkakas dan putuskan sambungan daripada bekalan sebelum menukar aksesori atau mendekati bahagian yang bergerak semasa digunakan.**
- **Berhati-hati jika cecair panas dituangkan ke dalam bekas pengisar kerana ini boleh memancut keluar dari perkakas disebabkan panas berwap secara tiba-tiba.**
- **Matikan kuasa dan cabut palam kuasa terlebih dahulu sebelum mengeluarkan bekas pengisar dari badan.**
- **Untuk mengelakkan apa-apa kemalangan, jangan masukkan tangan anda ke dalam bekas pengisar apabila dipasangkan ke badan motor utama.**
- **Berhenti menggunakan perkakas dengan serta-merta dan cabut palam sekiranya perkakas ini tidak berfungsi dengan betul.**
  - Contoh untuk kejadian luar biasa atau kerosakan:
    - Palam atau kord kuasa dengan luar biasa menjadi panas.
    - Kord kuasa rosak dan putus bekalan elektrik.
    - Badan motor berubah bentuk, mengalami kerosakan yang boleh dilihat atau menjadi panas yang luar biasa.
    - Terdapat bau yang tidak menyenangkan.
    - Badan motor menghasilkan bunyi bising yang luar biasa apabila digunakan.
    - Terdapat keabnormalan atau kegagalan lain.
  - Cabut palam dengan serta-merta dan hubungi Pusat Servis Panasonic untuk pemeriksaan atau pembaikan.
- **Bekas pengisar itu bertujuan untuk digunakan dengan tapak yang dibekalkan.**

## AWAS

Untuk mengelakkan daripada risiko kebocoran kuasa elektrik, terkena kejutan elektrik, kebakaran disebabkan oleh litar pintas, melecur, kecederaan atau kerosakan harta benda.



- **Jangan gunakan perkakas untuk apa-apa tujuan selain yang dinyatakan dalam Arahan Pengendalian.**
- **Jangan gunakan perkakas berdekatan dengan dinding, perabot, atau dalam ruang terbatas seperti kabinet terbina dalam.**
  - Jika tidak, ini boleh menyebabkan perubahan warna atau bentuk.
- **Jangan gerakkan perkakas dengan menggunakan kord kuasa.**
- **Jangan letakkan apa-apa objek di atas perkakas atau masukkan apa-apa objek di bahagian bawah/celah perkakas.**
- **Jangan gunakan perkakas di tempat berikut.**
  - Di atas permukaan yang tidak rata, di atas permaidani, permukaan tidak kalis air, atau alas meja dan sebagainya.
  - Di tempat yang mungkin disimbah dengan air atau berdekatan sumber haba.
  - Berdekatan mana-mana sumber air terbuka seperti tab mandi, singki atau bekas lain.
  - Letakkan perkakas di atas meja kerja yang kuat, kering, bersih, rata dan kalis haba.
- **Jangan gantikan mana-mana komponen perkakas dengan apa-apa selain aksesori asal.**
- **Jangan masukkan jari atau perkakas anda seperti sudu atau garpu ke dalam bekas pengisar semasa perkakas itu sedang dikendalikan.**
- **Jangan melebihi tahap maksimum apabila menambahkan bahan ke dalam bekas pengisar. (P. ML6)**
- **Apabila mengeluarkan campuran dari bekas pengisar, elakkan terus menggunakan tangan anda. Sebaliknya, gunakan alat seperti spatula getah atau spatula.**
- **Jangan panaskan di dalam mana-mana bekas yang tidak disediakan dengan perkakas.**
- **Jangan gunakan pemasa luaran dan sebagainya. Perkakas tidak boleh berfungsi apabila disambungkan ke pemasa luaran atau sistem kawalan jauh bebas luaran.**
- **Jangan kendalikan perkakas jika penutup bekas tidak ditutup dengan betul.**
- **Jangan biarkan perkakas tanpa pengawasan semasa digunakan.**
- **Jangan buka penutup bekas atau buka bekas pengisar semasa perkakas sedang digunakan.**



- **Jika perkakas tersekat semasa digunakan, segera putus sambungan daripada bekalan kuasa, cabut palam dan keluarkan bekas pengisar. Keluarkan bahan yang menyekat bilah pemotong dengan berhati-hati. Tunggu perkakas menjadi sejuk sebelum terus menggunakan.**
- **Pastikan anda memegang palam kuasa semasa mencabut. Jangan sesekali menarik kord kuasa.**
- **Berhati-hati agar tidak tersandung atau tersangkut pada kord kuasa semasa digunakan.**
- **Untuk mengelakkan kemalangan, berhati-hati apabila membuka penutup bekas semasa menggunakan perkakas ini dan juga selepas digunakan, kerana tindakan ini boleh mengakibatkan wap yang dilepaskan berupaya melecurkan anda.**
- **Hanya buka penutup bekas atau keluarkan bekas pengisar dari badan motor apabila bilah pemotong telah berhenti sepenuhnya.**
- **Pastikan anda memutuskan sambungan perkakas daripada bekalan kuasa dan cabut palam dari salur keluar kuasa apabila tidak digunakan. Ini amat penting sebelum memasang, menceraikan, memindahkan atau membersihkan perkakas. Sebelum anda menggunakan perkakas itu semula, pastikan bahawa benar-benar kering.**
- **Pastikan bahawa aksesori bersih dan dipasang dengan betul apabila menggunakan perkakas.**
- **Langkah berjaga-jaga perlu diambil apabila mengendalikan bilah pemotong yang tajam, mengosongkan bekas pengisar dan semasa pembersihan. Jangan bersihkan bilah pemotong tanpa memakai perlindungan tangan.**
- **Tunggu sehingga perkakas menjadi sejuk sebelum dipindahkan atau dibersihkan.**
- **Berhati-hati semasa menuang bahan dan elakkan daripada mencondongkan perkakas secara berlebihan.**
- **Rujuk kepada Spesifikasi untuk maklumat mengenai masa penggunaan dan pengendalian apabila menggunakan perkakas. (P. ML14 "Spesifikasi")**
- **Pastikan anda membersihkan perkakas selepas digunakan, terutamanya permukaan yang bersentuhan dengan makanan. (P. ML12 "Cara Pembersihan")**
- **Perkakas ini bertujuan untuk kegunaan di rumah sahaja.**

## Maklumat Penting

- Jangan letakkan bekas pengisar di atas mana-mana sumber haba atau di dalam ketuhar gelombang mikro.
- Jangan jatuhkan perkakas untuk mengelakkan daripada berlaku kerosakan.
- Jangan gunakan kord kuasa di luar.
- Jangan lilitkan kord kuasa di sekeliling badan motor.
- Pastikan bahawa peranti keselamatan telah dipasang dan diketatkan dengan selamat sebelum digunakan.
- Selepas makanan panas disediakan, bekas pengisar boleh menjadi terlalu berat untuk diangkat dengan hanya menggunakan sebelah tangan. Untuk memegang bekas tersebut, anda boleh memakai sarung tangan tebal yang tahan panas, pegang bekas pengisar dengan kuat menggunakan kedua-dua belah tangan dan tuangkan makanan yang telah dimasak dengan berhati-hati.
- Jangan gunakan perkakas melainkan jika bahan telah dimasukkan.
- Jangan gunakan bekas pengisar untuk menyimpan makanan atau cecair bagi tempoh yang lama.
- Jika perkakas tidak digunakan untuk suatu tempoh yang lama, simpan di kawasan yang kering dan cukup diudarakan bagi mengelakkan apa-apa pembentukan lembapan dan percambahan kulapuk.




Simbol ini yang diletakkan pada perkakas menunjukkan “Permukaan panas dan tidak boleh disentuh tanpa mengambil langkah berhati-hati”.

# Nama Bahagian Alat dan Arahannya

## Nama Bahagian Alat

Bersihkan semua bahagian alat sebelum menggunakan perkakas buat kali pertama atau apabila anda sudah lama tidak menggunakannya. (Sila ikuti arahan pembersihan pada P. ML12.)




### Cawan Penyukat

### Pengikis

### Berus

- Cari dan gunakan spatula atau pengikis getah anda sendiri untuk mengeluarkan hidangan atau makanan yang dimasak dari bekas pengisar.
- Anda juga, perlu mencari dan menggunakan sarung tangan tebal dan tahan panas anda sendiri jika anda memerlukan kesemuanya.

## Panel Pengendalian












# Arahan Panel Kawalan


## Fungsi Umum:









Nama Fungsi	Kaedah Pengendalian
 Start/Set	Mula/Tetapkan Panel kawalan ini digunakan untuk menetapkan suhu, melaraskan masa, atau memulakan pengendalian perkakas.
 Stop	Berhenti Tekan dan tahan selama 2 saat untuk kembali kepada skrin awal.
	Tekan: Ubah suai suhu, kelajuan dan masa putaran. Tekan dan tahan: Suis pantas.

## Fungsi Tersuai:

Nama Fungsi	Kaedah Pengendalian
<b>M</b> Manual	<p>Mod Manual Dalam mod Siap Sedia, tekan butang "M" untuk bertukar kepada mod Manual.</p> <p>① Tekan sama ada "&lt;" atau "&gt;" untuk melaraskan suhu. Sebaik sahaja tetapan selesai, tekan butang .</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Suhu yang boleh dipilih: -- °C, 40 °C, 50 °C, 60 °C, 70 °C, 80 °C, 90 °C dan 100 °C. Program boleh berulang melalui pilihan suhu.</li> <li>● Memilih "-- °C" bermaksud bukan untuk dipanaskan dan "off" akan dipadamkan.</li> <li>● Suhu awal ditetapkan pada "-- °C."</li> </ul> <p>② Tekan sama ada "&lt;" atau "&gt;" untuk melaraskan kelajuan putaran. Program boleh berulang melalui pilihan kelajuan putaran. Apabila tetapan selesai, tekan butang .</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Apabila suhu ditetapkan kepada "-- °C" (bukan memanaskan), kelajuan putaran boleh dipilih daripada P, L, 1-8 atau H, memberikan sejumlah 11 pilihan berbeza. Sebaik sahaja anda mengetik butang , perkakas tidak membenarkan untuk tetapan masa dan mula mengisar secara automatik. Tetapan P mengaktifkan mod Putaran Segera, dengan tempoh pengisaran maksimum selama 60 saat. Untuk semua tetapan lain, tempoh pengisaran maksimum ialah 20 minit. Sebaik sahaja proses pengisaran selesai, perkakas berhenti secara automatik dan kembali kepada skrin awal.</li> <li>● Apabila suhu ditetapkan sama ada 40 °C, 50 °C, 60 °C, 70 °C, 80 °C, 90 °C atau 100 °C, kelajuan putaran boleh mempunyai julat sama ada daripada 0, L, 1-8, atau H, memberikan sejumlah 11 pilihan berbeza.</li> </ul> <p>③ Apabila kelajuan putaran ditetapkan, tekan butang  untuk mengakses tetapan masa. Gunakan butang "&lt;" atau "&gt;" untuk melaraskan masa. Apabila masa ditetapkan, tekan butang  untuk memulakan proses pemanasan atau pengisaran. (Jika tetapan suhu ialah "-- °C", langkau sahaja langkah ini).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Julat masa boleh laras: 1 hingga 60 minit (0:01 hingga 1:00) Boleh laras selama seminit pada satu masa.</li> </ul> <p>④ Semasa dalam keadaan Bekerja</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Apabila suhu ditetapkan kepada 60 °C atau lebih rendah (termasuk 60 °C), motor tidak berfungsi pada kelajuan 0 dan penunjuk "off" padam.</li> <li>● Apabila suhu ditetapkan kepada 70 °C atau lebih tinggi (termasuk 70 °C), pengisaran terus berjalan walaupun gear ditetapkan kepada 0 untuk mengelakkan bahagian bawah menjadi hangus.</li> </ul> <p>⑤ Anda boleh pilih untuk memastikan makanan anda hangat pada suhu 60 °C, dengan tempoh pemanasan maksimum ialah sejam.</p>
 Timer (Ciri ini hanya tersedia untuk menu automatik dengan fungsi pemanasan.)	<p>① Apabila dalam keadaan siap sedia, pilih menu yang boleh Reserve "&lt;" atau "&gt;". Tekan butang  untuk mengakses "Reserve Mode" bagi menu yang dipilih.</p> <p>② Laraskan masa siap penyimpanan dengan menggunakan "&lt;" atau "&gt;".</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Pilihan masa boleh laras: 2 jam - 12 jam (program boleh berulang melalui pilihan).</li> <li>● Boleh laras selama 30 minit pada satu masa.</li> <li>● Masa Reserve ditetapkan selama 2 jam.</li> <li>● Jika tiada pelarasan dibuat dalam masa 5 minit semasa proses persediaan atau jika butang  ditekan, program kembali kepada skrin awal.</li> </ul> <p>③ Tekan butang  untuk mula berfungsi.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Masa yang dijadualkan ialah masa siap, yang bergantung pada pelbagai faktor seperti kuantiti bahan dan persekitaran.</li> </ul>

## Arahan Panel Kawalan

Nama Fungsi	Kaedah Pengendalian
Susu Soya Susu Jagung Susu Kacang Makanan Bayi Bubur Sup (Sup Labu) Sup Berkhasiat Susu Kocak Jem Buah-buahan Sos Cili	<p><b>Masukkan bahan, tekan “&lt;” atau “&gt;” untuk memilih menu dan kemudian tekan  untuk mula memasak.</b></p> <p>① Apabila menu sudah dipilih, masa dan kelajuan tidak boleh dilaraskan lagi. (Waktu sebenar menu Automatik mungkin berbeza bergantung pada suhu dan ramuan air, dll. Masa paparan adalah nilai rujukan.)</p> <p>② Apabila menu Sup Berkhasiat dipilih, bahan untuk membuat sup itu tidak dikisar.</p>

Nama Fungsi	Kaedah Pengendalian
Pembersihan	<p>Ini digunakan untuk membantu membersihkan bekas pengisar.</p> <p>① Selepas memasukkan 1000 mL air bersih (laraskan jumlah air yang perlu), tekan butang  untuk mengakses mod pembersihan dan tekan butang  untuk memulakan proses pembersihan.</p> <p>Jika butang  tidak ditekan dalam masa 5 minit semasa proses persediaan, program akan kembali kepada skrin awal.</p> <p>② Mod pembersihan diprogramkan untuk tempoh 10 minit dan bermula dengan seminit pengisaran diikuti oleh pengisaran dan pemanasan serentak kemudian (dengan cara membulat yang dinamik). Walau bagaimanapun, ambil perhatian bahawa masa sebenar mungkin berbeza daripada masa yang dipaparkan disebabkan oleh kelainan dalam suhu atau jumlah air. Sebaik sahaja proses prapemanasan selesai, kira detik menunjukkan baki 3 minit lagi.</p> <p>Simbol  berkelip semasa pemanasan dan  terus menyala apabila proses pemanasan berhenti.</p> <p>Simbol  berkelip semasa pengisaran dan gear pengisaran kekal dihidupkan. Apabila proses pengisaran berhenti, simbol  terus menyala dan gear pengisaran dimatikan.</p> <p>③ Bunyi berdengung kedengaran apabila proses pembersihan selesai.</p> <p>* Pastikan bahawa jumlah air maksimum tidak melebihi kira-kira 1200 mL. Jika terdapat sisa makanan, laraskan jumlah air dengan sewajarnya.</p> <p>* Pastikan bahawa jumlah air minimum ialah kira-kira 400 mL untuk mengelakkan bilah daripada melahu, yang boleh mengakibatkan kerosakan atau kemalangan.</p> <p>* Apabila fungsi  berjalan, perkakas menjadi panas. Oleh itu, berhati-hati dengan haba baki semasa dan selepas pembersihan.</p>

Setiap butiran dalam Arahan Pengendalian ini telah diperiksa dengan teliti. Walau bagaimanapun, jika anda menemui mana-mana ralat tipografi atau ketaksaan, sila rujuk kepada kami untuk penjelasan.


Catatan: Teks dan imej yang ditunjukkan dengan warna latar belakang memberikan maklumat tambahan.

Apa-apa penambahbaikan teknikal kepada perkakas akan dimasukkan ke dalam versi Arahan Pengendalian yang dikemas kini tanpa apa-apa notis awal.

Sila ambil perhatian bahawa rupa bentuk dan warna perkakas mungkin tertakluk kepada perubahan. Sila rujuk item sebenar.

## Cara Penggunaan

1. Potong bahan kepada kepingan 2 cm (bahan yang lebih keras) atau 3 - 5 cm (bahan yang lebih lembut). Rujuk kepada P.ML11 "Penyediaan Bahan" untuk butiran terperinci.




- Hiris daging menjadi kepingan panjang dan buang apa-apa urat.
- Apabila membuat minuman buah dan sayur, buang apa-apa biji daripada bahan.


2. Dengan mengikut resipi, sukut setiap bahan satu demi satu sebelum memasukkan kesemuanya ke dalam bekas pengisar.




3. ① Letakkan penutup bekas di atas bekas pengisar dengan cara tab penutup dan alur bekas pengisar tidak sejajar dan tekan penutup bekas ke bawah.  
② Putarkan penutup bekas mengikut arah jam sehingga tidak boleh dipusingkan lagi, bagi memastikan pemegang penutup dijajarkan secara menegak dengan pemegang bekas pengisar.  
③ Pasangkan injap anti-tumpahan senyap di atas penutup bekas dengan memusingkan item itu mengikut arah jam sehingga ketat.



- Gasket penutup juga perlu dipasang.
- Bekas pengisar dilengkapi dengan ciri perlindungan pembukaan. Jika penutup tidak diketatkan dengan betul, menekan butang Mula tidak menghidupkan perkakas; sebaliknya, ini mencetuskan ralat bip.
- Kencangkan injap anti-tumpahan senyap semasa operasi untuk mengelakkan luka bakar dan kecederaan.




4. Jajarkan ikon "▽" di bahagian bawah bekas pengisar dengan ikon "△" pada badan motor, kemudian letakkan bekas pengisar di atas tapak.  
● Walaupun sudah dipasang, Panel Kawalan tidak memaparkan apa-apa melainkan jika bekas pengisar dipasang dengan betul.




5. Pilih menu pilihan anda atau tetapkan kepada mod Manual seperti yang diperlukan. Tekan butang  $\left\langle \begin{array}{c} \diamond \\ \text{Start/Set} \end{array} \right\rangle$  untuk mula pengendalian.



6. Sebaik sahaja proses tersebut selesai, perkakas berbunyi bip. Cabut palam perkakas, keluarkan bekas pengisar dan buka penutup.



7. Akhir sekali, tuangkan hidangan anda yang telah dimasak.



## Saran Resipi dalam Mod Automatik

Menu	Bahan dan Kaedah Memasak
Susu Soya	Bahan: Kacang soya (direndam selama 12 jam) 70 g (3/4 cawan penyukat), gula 35 g (1/3 cawan penyukat) dan air 850 g. Kaedah Memasak: Masukkan kacang soya yang direndam selama 12 jam bersama bahan lain ke dalam bekas pengisar dan pilih Susu Soya pada panel.
Susu Jagung	Bahan: Jagung segar (bijian) 250 g, susu 150 g, susu pekat 50 g dan air 250 g. Kaedah Memasak: Basuh dan kupas jagung. Sebaik sahaja semua bahan siap disediakan, masukkan ke dalam bekas pengisar. Pilih Susu Jagung pada panel.
Susu Kacang	Bahan: Oat (direndam selama 1 jam) 60 g, kacang gajus 75 g, air 980 g. Kaedah Memasak: Masukkan oat yang direndam selama sejam bersama bahan lain ke dalam bekas pengisar dan pilih Susu Kacang pada panel.
Makanan Bayi	Bahan: Beras 45 g (1/2 cawan penyukat), beras pulut 20 g (antara 1/5 dan 1/3 cawan penyukat), daging cincang 20 g, labu 30 g (1 cm) dan air 380 g. Kaedah Memasak: Basuh beras dan beras pulut sehingga bersih. Bersihkan daging dan potong dadu dengan kecil. Basuh labu dan potong menjadi ketulan yang agak besar. Sebaik sahaja semua bahan siap disediakan, masukkan ke dalam bekas pengisar dan pilih Makanan Bayi pada panel.
Bubur	Bahan: Beras 80 g (3/4 cawan penyukat), daging cincang 100 g, air 800 g. Kaedah Memasak: Basuh beras sehingga bersih. Bersihkan daging dan potong dadu dengan kecil. Sebaik sahaja semua bahan siap disediakan, masukkan ke dalam bekas pengisar dan pilih Bubur pada panel.
Sup (Sup Labu)	Bahan: Labu 500 g (2 cm), bawang besar putih 100 g (2 cm), bawang putih 5 g, stok ayam 350 g, krim putar 100 g, garam 3 g dan secubit lada. Kaedah Memasak: Kaedah Memasak: Basuh dan potong labu dan bawang besar putih kepada ketulan. Masukkan semua bahan, tidak termasuk krim putar, ke dalam bekas pengisar. Pilih Sup pada panel dan tunggu sehingga proses selesai. Sebaik sahaja selesai, kacau krim putar dan sup anda sudah sedia untuk dihidangkan.
Sup Berkhasiat	Bahan: Ubi kentang 90 g (2 cm), jagung 170 g (2 cm), lobak merah 40 g (2 cm), daging 100 g, air 700 g dan garam 3 g. Kaedah Memasak: Basuh dan potong ubi kentang, jagung, lobak merah dan daging kepada kepingan. Sebaik sahaja semua bahan siap disediakan, masukkan ke dalam bekas pengisar dan pilih Sup Berkhasiat pada panel.
Susu Kocak	Bahan: Pisang 100 g (3~5 cm), strawberi sejuk beku (potong kepada 2 cm dan sejuk beku selama lebih 24 jam) 200 g, air gula 45 g, ketulan ais 100 g dan susu badam 500 g. Kaedah Memasak: Basuh strawberi sehingga bersih, potong kepada kepingan dan kemudian letakkan potongan tersebut di dalam peti sejuk selama sekurang-kurangnya 24 jam. Hiris pisang kepada kepingan. Sebaik sahaja semua bahan siap disediakan, masukkan ke dalam bekas pengisar dan pilih Susu Kocak pada panel. Catatan: Disyorkan untuk menggunakan ketulan ais kurang dari 10 g. Mungkin ada sisa ais bergantung pada ukuran ketulan ais.
Jem Buah-buahan	Bahan: Strawberi 400 g, gula 200 g (2 dan 1/5 cawan penyukat) dan jus lemon 25 g. Kaedah Memasak: Basuh strawberi sehingga bersih dan potong kepada kepingan. Sebaik sahaja semua bahan siap disediakan, masukkan ke dalam bekas pengisar dengan teratur. Pilih Jem Buah-buahan pada panel. (Sila tanggalkan injap antitumpahan senyap apabila memasak.) Nota: Kematangan strawberi boleh menjejaskan ketebalan produk siap.
Sos Cili	Bahan: Tomato 400 g (3~5 cm), cili 200 g (3 cm), bawang putih 50 g, minyak 50 g, cuka makan 50 g, air gula 50 g, tepung jagung 15 g (antara 1/5 dan 1/3 cawan penyukat), garam 5 g dan air 150 g. Kaedah Memasak: Basuh dan potong tomato dan cili kepada kepingan. Sebaik sahaja semua bahan siap disediakan, masukkan ke dalam bekas pengisar dengan teratur. Pilih Sos Cili pada panel.

Perisa hidangan akhir boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk musim, suhu, jumlah bahan atau peralatan memasak. Oleh itu, buat pelarasan yang perlu berdasarkan keadaan sebenar.

Apabila memasak bahan keras seperti tulang ikan, pastikan anda menggunakan penapis untuk membuang tulang tersebut bagi mengelakkan daripada tertelan secara tidak sengaja.

Menu Automatik menampilkan masa pratetap, kelajuan dan suhu. Perkakas dimatikan secara automatik sebaik sahaja menu diselesaikan.

Perbezaan susu atau apabila nisbah susu ke air lebih tinggi daripada jumlah yang disyorkan dalam menu boleh mengakibatkan limpahan atau bahagian bawah lembek.

Masa memasak sebenar untuk menu penyimpanan mungkin berbeza dari masa penyimpanan awal, bergantung pada keadaan perkakas yang digunakan.



## Saran Resipi dalam Mod Manual

Menu	Bahan dan Kaedah Memasak
Ais Hancur	<p>Bahan: Kiub ais (8 g ~ 10 g / kiub) 220 g.                      Kaedah Memasak: Letakkan kiub ais dalam bekas pengisar, laraskan suhu kepada "-- °C", tukar kelajuan kepada gear P dan mula menghancurkan ais.                      Catatan: Gunakan bekas pengisar yang telah disejukkan dengan air ais untuk smoothie yang lebih baik. Pastikan bekas pengisar kering sebelum membuat smoothie. Jumlah maksimum ais tidak boleh melebihi 220 g atau bilah tidak boleh berfungsi dengan betul dan dan kod ralat akan dipaparkan.                      Penyelesaian kod ralat U53: Tekan butang Berhenti untuk ke halaman utama. Tuangkan semua ketulan ais, kemudian masukkan kembali ke dalam bekas pengisar dan mulakan semula. (Jika perkakas tidak bertindak balas, ini bermakna suhu motor terlalu tinggi dan perkakas telah memasuki mod perlindungan. Putuskan sambungan elektrik dan biarkan berehat lebih dari 10 minit. Kemudian, mulakan semula prosedur dengan ketulan ais yang baharu.) Jika kod ralat lain muncul, rujuk P.ML14 untuk kaedah penyelesaian masalah.</p>

### <Penyediaan Bahan>

- Untuk bahan yang lebih keras seperti lobak merah, labu dan ubi kentang, potong kesemuanya menjadi kiub berukuran 2 cm.
- Untuk bahan yang lebih lembut seperti pisang dan tomato, potong kesemuanya menjadi kiub yang lebih besar berukuran 3-5 cm.
- Sayuran daun dan batang: Potong kepada kepingan kecil, berukuran kira-kira 3-5 cm.
- Kacang: Pastikan untuk membuang cangkerang dan kulit.
- Bijirin: Pramasak atau rendam di dalam air untuk melembutkan bijirin sebelum digunakan.
- Buah-buahan sejuk beku: Sentiasa kisar dengan cecair. Mengisar hanya buah-buahan sejuk beku boleh menyebabkan pengisar menjadi melahu.
- Bahan sejuk beku lain: Cairkan kesemuanya sebelum dikisar.

## Langkah Pengendalian










- Jangan sesekali menggunakan perkakas untuk mengisar atau melumatkan barangan kering dan bahan keras (seperti tulang besar).
- Sukatan bahan dalam resipi ini adalah berdasarkan paras air standard. Laraskan jumlah kuantiti bahan mengikut paras air dan bahan khusus yang anda gunakan. Untuk mengelakkan daripada melimpah atau bahagian bawah menjadi hangus, kapasiti maksimum untuk pemanasan tidak boleh melebihi 1400 mL (Untuk fungsi susu Soya dan susu Kacang, kapasiti maksimum tidak boleh melebihi 1200 mL) dan kapasiti maksimum untuk minuman sejuk tidak boleh melangkaui 1750 mL. Jumlah minimum tidak boleh kurang daripada 500 mL, jika tidak, ini akan menyebabkan bilah melahu dengan mudah.
- Jangan panaskan cecair pekat seperti susu, bubur bijirin atau pes nasi yang sejuk menggunakan perkakas, kerana ini boleh mengakibatkan terlalu panas dan bau yang tidak menyenangkan.
- Apabila membuat bubur, pes nasi, sup dan hidangan yang serupa, penting untuk memilih butang fungsi yang sesuai. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan hidangan yang tidak enak atau kurang masak dan dalam hal yang lebih teruk, hidangan boleh melimpah atau hangit.
- Apabila menggunakan perkakas ini, elakkan daripada memasukkan gula, gula perang atau perasa lain terus ke bahagian bawah bekas pengisar. Ini bertujuan mengelakkan bahan perasa ini daripada melekat di bahagian bawah bekas pengisar semasa proses pemanasan.
- Sebaik sahaja bahan mula mendidih (pada masa ini kira detik bermula), jangan hentikan program itu. Jika ini tergantung secara tidak sengaja, elakkan daripada menggunakan fungsi pemanasan untuk menyambung memasak semula, kerana ini boleh mengakibatkan makanan panas mendidih atau melekat di bahagian bawah. Sebaliknya, gantikan bahan dan pilih semula fungsi yang sesuai, atau masak kesemuanya di dalam periuk terlebih dahulu sebelum melumatkan bahan tersebut dalam mod Tersuai.
- Semasa proses pemanasan minuman panas, ia akan dipaparkan dengan dinamik "----". Apabila suhu di dalam bekas pengisar melebihi 70 °C, suhu di dalam bekas pengisar dan dinamik "----" akan dipaparkan secara interaktif (perubahan suhu dalam unit 5 °C). Semasa masa undur, suhu di dalam bekas pengisar dan masa yang tinggal akan dipaparkan secara interaktif. Suhu yang dipaparkan dan suhu sebenar akan menjadi berbeza bergantung pada kedudukan sukatan dan bahan. (Suhu tidak dipaparkan untuk menu Jem Buah-buahan.)

## Cara Pembersihan

- Cabut dan putuskan sambungan daripada bekalan kuasa sebelum pembersihan.
- Bersihkan perkakas sebelum menggunakan buat kali pertama dan selepas digunakan.
- Tanggal semua bahagian yang boleh ditanggalkan sebelum dibersihkan.
- Gunakan berus untuk membersihkan bekas pengisar.
- Bahan seperti buah-buahan dan sayur-sayuran boleh menyebabkan perubahan warna pada bahagian, tetapi ini tidak menjejaskan fungsi perkakas.

### ⚠️ AWAS

- Jangan gunakan minyak meruap, agen pencairan, alkohol, peluntur, serbuk pelelas, berus logam atau berus nilon kerana kesemua item tersebut boleh merosakkan permukaan perkakas.
- Badan motor, penutup bekas, penutup injap senyap, injap senyap dan bekas pengisar tidak boleh dibersihkan di dalam mesin basuh pinggan mangkuk.
- Objek tajam seperti pencungkil gigi atau pin tidak boleh digunakan untuk membersihkan perkakas.
- Untuk mengelakkan kerosakan kepada penghubung atau struktur dalaman, jangan menenggelamkan penutup bekas, jag pengisar dan badan motor di dalam air.
- Elakkan membilas penghubung terus di bahagian bawah bekas pengisar bagi mengelakkan kerosakan dan potensi kemalangan daripada berlaku.
- Jauhkan perkakas, kord kuasa dan aksesori pembungkusan jauh dari cahaya matahari terus.
- Pastikan anda menunggu sehingga perkakas menjadi sejuk sebelum membersihkan.
- Bilas bahagian dalam bekas pengisar dan aksesori dengan air dan kemudian keringkan kesemuanya. Langkah berjaga-jaga perlu diambil apabila membersihkan bilah yang tajam bagi mengelakkan diri daripada tercedera.

	Penutup Injap Senyap	Injap Senyap	Penutup Bekas	Gasket Penutup	Bekas Pengisar	Badan Motor	Cawan Penyukat	Pengikis	Berus
									
Air Mengalir	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓
Pembasuh Pinggan Mangkuk	X	X	X	X	X	X	X	X	X
Kain Lembap yang Diperah dengan Baik	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Berus	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	✓
Pad Penyalatan	X	X	X	X	X	X	X	X	X
Span Lembut	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓
Ulasan	Bersihkan item ini dengan detergen pencuci pinggan mangkuk yang lembut dan neutral, serta span lembut, berhati-hati untuk mengelakkan penghubung di bahagian bawah bekas pengisar. Bilas sehingga bersih dengan air dan keringkan dengan baik.					Lapkan dengan kain basah yang diperah sehingga kering. Berhati-hati supaya tidak membasahkan penghubung.	Bersihkan item ini dengan detergen pencuci pinggan mangkuk yang lembut dan neutral, serta span lembut. Bilas sehingga bersih dengan air dan keringkan dengan baik.		

# Penyelesaian Masalah

Sebelum menghubungi untuk melakukan servis, sila semak melalui bahagian ini.

Masalah	Punca dan Tindakan
Melimpah	<ul style="list-style-type: none"><li>● <b>Jumlah bahan yang berlebihan</b> → Masukkan bahan dengan mengikut arahan untuk kuantiti yang diperlukan.</li><li>● <b>Jumlah air yang berlebihan</b> → Isikan air sehingga mencapai paras yang ditunjukkan.</li><li>● <b>Memilih fungsi yang salah</b> → Pilih fungsi yang betul dengan mengikut arahan.</li><li>● <b>Kerosakan produk</b> → Hubungi perkhidmatan selepas jualan setempat anda untuk pembaikan.</li><li>● <b>Penutup bekas tidak diletakkan dengan betul</b> → Pastikan bahawa penutup bekas dipasang dengan betul.</li></ul>
Bahagian bawah menjadi hangus	<ul style="list-style-type: none"><li>● <b>Jumlah bahan yang berlebihan</b> → Masukkan bahan dengan mengikut arahan untuk kuantiti yang diperlukan.</li><li>● <b>Bahan yang salah</b> → Jangan masukkan bahan yang boleh mengakibatkan bahagian bawah menjadi hangus dengan mudah.</li><li>● <b>Jumlah air yang tidak mencukupi</b> → Isikan air sehingga mencapai paras yang ditunjukkan.</li><li>● <b>Bahagian bawah bekas pengisar tidak bersih</b> → Pastikan untuk membersihkan bahagian tersebut sebelum digunakan.</li><li>● <b>Memilih fungsi yang salah</b> → Pilih fungsi yang betul dengan mengikut arahan.</li><li>● <b>Kerosakan produk</b> → Hubungi Pusat Servis setempat anda untuk pembaikan.</li></ul>
Bahan tidak boleh dikisar	<ul style="list-style-type: none"><li>● <b>Jumlah bahan yang berlebihan atau tidak mencukupi</b> → Sila masukkan bahan seperti yang diperlukan oleh resipi.</li><li>● <b>Jumlah air yang berlebihan atau tidak mencukupi</b> → Isikan air sehingga mencapai paras yang ditunjukkan.</li><li>● <b>Memilih fungsi yang salah</b> → Pilih fungsi yang betul dengan mengikut arahan.</li><li>● <b>Kerosakan produk</b> → Hubungi Pusat Servis setempat anda untuk pembaikan.</li></ul>
Bunyi bising semasa pengendalian	<ul style="list-style-type: none"><li>● <b>Bunyi motor berjalan</b> → Ini perkara biasa.</li><li>● <b>Jangka masa rehat</b> → Bunyi bising sekali-sekala dianggap biasa.</li><li>● <b>Bunyi luar biasa dan motor tidak normal</b> → Hubungi Pusat Servis setempat anda untuk pembaikan.</li></ul>
Skrin tidak menyala.	<ul style="list-style-type: none"><li>● <b>Kord kuasa tidak dipasang dengan kuat.</b> → Periksa bahawa kord kuasa dipasang dengan betul dan perkakas dihidupkan.</li><li>● <b>Penutup bekas dan bekas pengisar tidak dipasang dengan betul</b> → Pasang penutup bekas dan bekas pengisar dengan betul.</li><li>● <b>Kerosakan produk</b> → Hubungi Pusat Servis setempat anda untuk pembaikan.</li></ul>

## Penyelesaian Masalah

Kod	Analisis Punca	Penyelesaian
H01 H03 H04	Kegagalan papan litar atau pendawaian dalaman perkakas.	Hubungi Pusat Servis setempat anda untuk pembaikan.
U16	Butang pada Panel Kawalan ditutup oleh objek asing atau kotoran untuk tempoh yang lama.	Buang apa-apa objek asing atau bersihkan kotoran yang menutup butang.
U12	Membuka atau menanggalkan penutup bekas semasa pengendalian menyebabkan Panel Kawalan memaparkan ralat U12.	Pastikan penutup bekas dipasang dengan betul.
U53	Jumlah ketulan makanan yang banyak atau berlebihan mencetuskan perlindungan beban berlebihan motor.	Cuba potong bahan kepada kepingan yang lebih kecil sebelum memasukkan ke dalam bekas pengisar dan hanya tambahkan jumlah yang sesuai.

## Alat Ganti

Nama Bahagian Alat	No. Bahagian Alat
Penutup Injap Senyap	VE69V339
Injap Senyap	VE68V339
Gasket Injap Senyap	VE22V339
Penutup Bekas	VE07V339
Gasket Penutup	VE23V339
Bekas Pengisar	VA01V339

## Spesifikasi

Bekalan Kuasa	220-240 V ~ 50-60 Hz
Penggunaan Kuasa	Pengisaran: 425-465 W; Pemanasan: 800-950 W
Kawalan Kelajuan	12 pilihan tersedia.
Nilai Masa Kerja (Adunan)	Pengendalian berterusan (Dalam mod Manual, perkakas terus dikendalikan selama 20 minit. Selepas 20 minit, perkakas berhenti mengisar secara automatik dan kembali kepada skrin awal rehat selama 6 minit.)
Kapasiti Maksimum	MAKS (Minuman sejuk): 1.75 L / MAKS (Minuman panas): 1.4 L
Dimensi (L × P × T) (Anggaran)	234 mm × 285 mm × 432 mm
Berat (Anggaran)	4.5 kg
Panjang Tali Kord (Anggaran)	1.0 m

# Memo

---

---

# Memo

---

---

# Memo

---

---

Panasonic Manufacturing.Xiamen.Co.,Ltd.

<https://www.panasonic.com>

©Panasonic Manufacturing (Xiamen) Co., Ltd. 2023



Printed in China

PZ92M339  
WK0224L0

SK